

Mutiara Perlis

# Sinar Chuping Perlis

Edisi Khas | 15 Mac 2022



Pameran oleh Pelabuhan Darat Perlis (PIP) bertuah menerima kunjungan YAB Dato' Sri Ismail Sabri Yaakob, Perdana Menteri Malaysia. Dari kiri Encik Hasri Hasan, Ketua Pegawai Operasi NCI, YAB Dato' Seri Azlan Man, Menteri Besar Perlis, Tuan Haji Md Silmi Abd Rahman, Ketua Pegawai Eksekutif Teraju, YAB Perdana Menteri, YB Datuk Dr Hj Abd Latiff Hj Ahmad, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Tugas-tugas Khas) dan Dato' Shabaruddin Ibrahim, Pengerusi Mutiara Perlis Sdn Bhd yang kelihatan memberikan penerangan kepada para tetamu istimewa.

## PIP Pacu Bumiputera

**6 Dis 2021 Kuala Lumpur Convention Centre:** YAB Dato' Sri Ismail Sabri Yaakob, Perdana Menteri Malaysia merasmikan Tindakan Pembangunan Bumiputera 2030 (TPB 2030) dengan penuh gilang-gemilang. TPB2030 adalah hala tuju rujukan bagi mencapai agenda besar Bumiputera. Ia berperanan memastikan kesinambungan kepada dasar dan rancangan Bumiputera terdahulu.

6 Sasaran Utama dikenalpasti untuk dicapai menjelang 2030, melalui 7 Aktiviti Pertumbuhan Ekonomi Utama (KEGA) iaitu Ekonomi Digital, Pembuatan, Pertanian & Komoditi, Hab Halal & Makanan, Logistik, Pengangkutan & Mobiliti Lestari, Hab Kewangan Islam 2.0 dan Pelancongan. Perdagangan rentas sempadan Thailand-Malaysia adalah penyumbang utama ekonomi dan akan meletakkan penekanan kepada pelaksanaan hab oleh perusahaan Bumiputera.

Program pembangunan ini akan melaksanakan Hab Logistik Utara - Pelabuhan Darat Perlis, yang akan dikendalikan oleh perusahaan Bumiputera yang akan melengkapkan rangkaian logistik kebangsaan; pengoptimuman infrastruktur dan perkhidmatan rel; dan mentransformasi Perlis sebagai hab logistik.



# Berita Rel



## KTMB-Mutiara Perlis Tandatangani Perjanjian



**22 Feb 2022 Kangar:** 22.2.22 adalah tarikh unik yang menyaksikan KTMB dan Mutiara Perlis memeterai jalinan kerjasama bagi Pembangunan dan Operasi Pelabuhan Darat Perlis (PIP).

Majlis menandatangani perjanjian disaksikan oleh YAB Dato' Seri Azlan Man, Menteri Besar Perlis dan Datuk Musa Sheikh Fadzir, Pengerusi KTMB di Kompleks Dewan Undangan Negeri Perlis.


Turut hadir adalah YB Azman Mohd Yusof, Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis, barisan Exco Kerajaan Negeri Perlis, Encik Mohd Rani Hisham Samsudin, Ketua Pegawai Eksekutif KTMB, Encik Zulkafli Ahmad, Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Menteri Besar (Perlis) dan Encik Wan Ahmad Zaheed Wan Mohamad, Pengarah Urusan & Ketua Pegawai Eksekutif Mutiara Perlis. PIP dijangka dapat menyurai kesesakan pergerakan kargo Malaysia-Thailand yang bernilai USD\$20 bilion masa kini, meningkatkan pergerakan kargo rentas sempadan China-Laos-Thailand-Malaysia yang membentuk "Pan Asia Rail Network" dan utilisasi kargo rel dapat dipertingkatkan daripada 1.5% kepada peratusan yang lebih tinggi selari dengan Dasar Pengangkutan Negara 2019-2030.

KTMB melihat PIP dapat mengukuhkan perniagaan syarikat milik penuh Menteri Kewangan Diperbadankan (MKD) itu di rantau ini.




## KTMB meremajakan aset

**1 Dis 2021 Padang Besar:** Pembida dalam dan luar negara berkumpul di Stesen KTM Butterworth pagi ini untuk meninjau aset KTM dari Butterworth hingga ke Stesen KTM Padang Besar di dalam sesi lawatan sempena "Request for Proposal" Sewaan Lokomotif dan Wagen yang dikeluarkan KTMB baru-baru ini. Usaha KTMB ini amat dialu-alukan pasaran yang menghadapi kenaikan kos logistik yang ketara ekoran pandemik Covid 19 yang telah mengganggu gugat pergerakan kargo seluruh dunia. Fokus masakini adalah mengukuhkan pergerakan kargo serantau berbanding pergerakan global. Dengan pemodenan dan penambahan aset baru, KTMB dijangka merencanakan lagi pergerakan kargo tempatan dan serantau terutama kargo rentas sempadan Malaysia-Thailand yang merupakan penyumbang utama kargo rel Negara sebanyak 60%. Kadar ini dijangka meningkat sebanyak 85% apabila Pelabuhan Darat Perlis mula beroperasi di Suku 1 2024 yang akan mengekalkan Perlis sebagai pemacu kargo rel No. 1 Negara.



Koc Khas membawa pembida menjelajahi fasiliti KTMB di dalam Sistem Rel Berkembar Negara

## NCIA Bangunkan Infrastruktur Sokongan PIP



**27 Jan 2022 KANGAR:** NCIA akan membangunkan infrastruktur luaran iaitu "bonded road, rail spur line & flyover" bagi menyokong Pelabuhan Darat Perlis (PIP) yang akan dibangunkan pelabur swasta. Dengan kekuatan Perlis berada di sempadan Malaysia-Thai, PIP dijangka memudahkan pergerakan kargo rentas sempadan yang meningkat saban tahun menurut kenyataan Northern Corridor Economic Region (NCER) bertarikh 27 Jan 2022. Northern Corridor Implementation Authority (NCIA) menyatakan pembangunan PIP akan menjadi katalis mengubah Perlis dari negeri agro-ekonomi kepada negeri ekonomi-sempadan dan akan merencanakan pemulihan ekonomi negeri paling utara ini. Projek PIP melibatkan Kerjasama Awam-Swasta yang akan menjadi kaptif logistik kepada pembangunan di Lembah Chuping merangkumi Chuping Valley Industrial Area (CVIA), NCER AgriBio Economic Zone (NAEZ) dan Chuping Agro Valley (CAV).

Ketua Eksekutif NCIA, Datuk Seri Jebasingam Issace John berkata amatlah penting bagi NCER mengukuhkan infrastruktur logistik bandar sempadan dan perkhidmatan sokongan. "Pembangunan PIP dan penambahbaikan Pelabuhan Pulau Pinang mesti dilaksanakan sebagaimana perancangan untuk mendapat faedah "first-mover advantage" katanya. Menurutnya, CVIA, bersebelahan PIP, juga berada di kedudukan strategik di sempadan mampu mengembeling kerjasama serantau di bawah IMT-GT. Sehingga kini terdapat RM2.5b pelaburan yang komited dan 1,870 peluang pekerjaan tercipta.



"Pembinaan CVIA Fasa 1 berjalan lancar dan dijangka siap pada Oktober 2022 tambah beliau. Manakala PIP akan mula dibina di Suku 1 2022 dan dijangka beroperasi pada Suku 1 2024 dengan unjuran pengendalian kargo sebanyak 250,000TEU di Fasa 1. Negeri Perlis bekerjasama rapat dengan NCIA untuk mempercepatkan pembangunan PIP. PIP berada di kedudukan strategik untuk menguat dan mengukuhkan daya saing perdagangan rentas sempadan Malaysia mengambilkira dinamik pembangunan lain di sekitarnya," kata Menteri Besar Perlis, YAB Dato' Seri Azlan Man selepas mempengerusikan Jawatankuasa Pemandu Negeri Siri 1/2022 di sini hari ini. Beliau turut berkata pembangunan pelabuhan darat ini akan meletakkan Perlis di landasan yang tepat untuk mencapai pertumbuhan ekonomi yang pesat di tahun 2022.

# Pelabuhan Darat Perlis akan dilancar

## IBC-CVIA diserbu

**5 Mac 2022 Chuping:** Kompleks Integrated Business Centre CVIA (IBC) yang tersergam indah di Lembah Chuping dipenuhi begitu ramai pengunjung di pagi Jumaat hari ini. Selain daripada ratusan kontraktor termasuk syarikat-syarikat gergasi negara yang datang untuk taklimat tender infrastruktur sokongan PIP, kelihatan para pegawai Pejabat Setiausaha Kerajaan Perlis, NCIA, Perbadanan Menteri Besar Perlis dan Syarikat Mutiara Perlis dengan baju korporat tersendiri meninjau IBC untuk persediaan Majlis Pelancaran Pelabuhan Darat Perlis yang dijangka berlangsung pada 15 Mac 2022. Keadaan cuaca yang tidak menentu akhir-akhir ini menyebabkan rancangan asal untuk mengadakan majlis di tapak PIP ditukar ke IBC yang terletak 1km dari PIP. Apapun kita doakan Majlis berjalan dengan lancar hendaknya. Berikut adalah aturcara Majlis berkenaan;-

### ATURCARA MAJLIS

- 9.00 Ketibaan Dif Jemputan
- 9.45 Ketibaan YAB Menteri Besar Perlis
- 9.50 Ketibaan YAB Perdana Menteri Malaysia
- 9.55 Keberangkatan tiba DYTM Tuanku Raja Muda Perlis
- 10:00 Keberangkatan tiba DYMM Tuanku Raja Perlis
- Nyanyian lagu Negeri Perlis dan Negaraku
- Bacaan Doa
- Ucapan Ketua Eksekutif NCIA
- Ucapan YAB Menteri Besar Perlis
- Ucapan YAB Perdana Menteri Malaysia
- Titah Ucapan DYMM Tuanku Raja Perlis
- Perasmian disempurnakan oleh DYMM Tuanku Raja Perlis dan diiringi oleh YAB Perdana Menteri Malaysia
- Tayangan video PIP dan CVIA.
- Sesi Pertukaran Dokumen disaksikan oleh DYMM Tuanku Raja Perlis, DYTM Raja Muda, YAB Perdana Menteri Malaysia, YAB Menteri Besar Perlis, Pengerusi Mutiara Perlis dan Ketua Eksekutif NCIA, seperti yang berikut:
  - i. NCIA dan Takdir Permai (M) Sdn Bhd
  - ii. Mutiara Perlis dan Teraju
  - iii. Mutiara Perlis dan KTM Berhad
  - iv. Mutiara Perlis dan UniKL
- Persembahan cendera-kenangan dihadapan DYMM Tuanku Raja Perlis, DYTM Raja Muda dan YAB Perdana Menteri Malaysia oleh YAB Menteri Besar Perlis diiringi oleh Pengerusi Mutiara Perlis dan Ketua Eksekutif NCIA
- 12.00 DYMM Tuanku Raja Perlis dan DYTM Raja Muda berangkat ke Majlis Santapan Tengah Hari
- Sidang media YAB Perdana Menteri Malaysia, YAB Menteri Besar Perlis, Pengerusi Mutiara Perlis dan Ketua Eksekutif NCIA
- Majlis Santapan Tengah Hari bermula
- Keberangkatan pulang DYMM Tuanku Raja Perlis
- Keberangkatan pulang DYTM Tuanku Raja Muda Perlis
- Perlepasan YAB Perdana Menteri Malaysia
- Perlepasan YAB Menteri Besar Perlis
- Majlis bersurai

